



**TERIMALAH:** Wan Hashim (dua kiri) menyerahkan sumbangan beg jenazah kepada Dr Hayati sambil disaksikan tetamu kehormat lain.

## Webinar GREEN2020 anjuran UPMKB pada 18 Ogos

**BINTULU:** Universiti Putra Malaysia Kampus Bintulu (UPMKB) akan menganjurkan e-Persidangan Antarabangsa Tenaga Hijau dan Boleh Diperbaharui (GREEN2020) buat julung kalinya melalui platform maya atau webinar yang dijadual pada 18 Ogos depan.

Jurucakap pengajur Dr Ellie Teo Yi Lih berkata, persidangan itu dianjurkan bertujuan untuk melapor, membincang, memperbaiki dan menyebarkan perkembangan terkini dalam bidang sains, teknologi, kejuruteraan, perniagaan dan polisi tenaga diperbaharui.

Katanya, seramai 100 peserta daripada pelbagai organisasi termasuk universiti, institut, pertubuhan bukan kerajaan (NGO), persatuan, industri dan lain-lain

akan bertemu pada persidangan maya tersebut.

Justeru katanya, perkongsian kepakaran penyelidik terkemuka dan khidmat nasihat pembangunan semasa pelaksanaan persidangan maya ini menjadikan ia sebagai saluran pemindahan pengetahuan tenaga diperbaharui.

"Persidangan maya adalah

satu kemestian bagi kumpulan penyelidik yang terlibat dengan bidang sains, teknologi, kejuruteraan, dasar dan pembangunan tenaga diperbaharui," ujarnya dalam kenyataan di sini, semalam.

Beliau berkata, persidangan maya itu akan memudahkan sinergi antara akademik dan industri dengan tema utamanya 'Status Semasa dan Masa Depan Tenaga

Diperbaharui'.

Katanya, tumpuan diberi kepada lima bidang tenaga diperbaharui iaitu biojisim, biogas dan tenaga sisa pepejal, tenaga suria dan angin, tenaga hidro

dan pasang surut, bahan bakar alternatif (biodiesel dan hidrogen), dasar dan keperluan sosial.

"Tenaga diperbaharui yang turut dikenali sebagai tenaga bersih yang diperoleh daripada sumber semula jadi atau proses yang melalui kitaran pengisian berterusan, sedang berkembang dengan pesat kini.

"Hal ini adalah kerana inovasi tenaga diperbaharui yang mempunyai faedah yang besar selain kosnya yang lebih rendah," jelasnya.

Beliau berkata, tenaga

diperbaharui juga memberi kesan positif kepada persekitaran kerana ia dapat mengurangkan kesan karbon dengan ketara seterusnya, penggunaan tenaga suria dan angin yang disepadu ke dalam grid elektrik sambil mengekalkan kebolehpertayaan mampu memastikan laluan ke arah penggunaan tenaga bersih di seluruh dunia.

Secara tidak langsung katanya, pembangunan dan penggunaan tenaga diperbaharui akan membuka lebih banyak peluang pekerjaan dan menyumbang kepada ekonomi negara sekali gus menyumbang dalam penyeidiaan keselamatan tenaga dan keupayaan membekal kuasa yang mencukupi untuk pembangunan negara kita pada masa depan.

Untuk maklumat lebih lanjut layari laman sesawang di <http://green2020.upm.edu.my/> dan pembentang serta peserta yang berminat dijemput untuk mendaftar di Webinar

GREEN2020 <https://forms.gle/7DTfRhDsdTmfA6zx8> atau e-mel ke [green2020@upm.edu.my](mailto:green2020@upm.edu.my) di mana penyerahan adalah percuma.